

**PEKELILING PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BIL.2/1986**

=====

**Kadar Bayaran Premium Bagi Permohonan Penyerahan Dan Pemberimilikan
Semula Tanah-Tanah Di Kampung Baru Cina, Kampung India Dan Kampung
Melayu Yang Telah Diberimilik Di Bawah Pajakan 60 Tahun**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bermesyuarat pada 16hb. Julai 1986 telah membuat keputusan seperti berikut:

- (i) Mengenakan bayaran premium sebanyak 50 sen sekaki persegi bagi tanah-tanah untuk maksud rumah kediaman.
- (ii) Untuk lain-lain maksud kegunaan, premiumnya hendaklah dikenakan mengikut kadar-kadar yang ditetapkan di dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Selangor.

3. Selaras dengan keputusan tersebut, Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah adalah dikehendaki meminda kadar-kadar premium yang dinyatakan di dalam Pek.PTG.Sel.Bil.7/1985 dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

T.T
(**ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK**)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor,
Shah Alam.

Bil.(30)dIm.PTG.Sel.(S) 0.443/Sj. 3

Bertarikh pada 26hb. September 1986

*** PEKELILING TERBATAL DENGAN PEKELILING BIL. 4/1997**